



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

SIARAN MEDIA

MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI INSENTIF PENJADUALAN SEMULA PEMBIAYAAN TMP-JPK BAGI KOPERASI

Kuala Lumpur, 29 September 2020 – Lanjutan daripada Pengumuman Kerangka Inisiatif Tambahan Khas: KITA PRIHATIN yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 September 2020, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) turut melaksanakan inisiatif kepada koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Koperasi boleh memohon penjadualan semula bayaran balik pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP-JPK) selepas tamat tempoh moratorium pada 30 September 2020. Insentif ini boleh dimanfaatkan oleh koperasi yang benar-benar terkesan akibat pandemik COVID-19. Walaubagaimanapun, pembiayaan tanpa cagaran sehingga RM50 ribu menerusi TMP-JPK masih boleh dipohon.

Secara keseluruhannya, sehingga 31 Ogos 2020, bilangan akaun pembiayaan TMP-JPK adalah berjumlah 1,710 dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM2.13 billion.

Koperasi boleh memohon secara terus ke SKM menerusi emel kepada mustafa@skm.gov.my atau menghubungi talian 03-2083 4175.

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI